



KENYATAAN MEDIA

NEGARA SIAP SIAGA HADAPI CUACA PANAS DAN EL NIÑO KUAT

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan (JIJCKK) Bil. 1 Tahun 2026 telah diadakan pada **15 Jun 2026** di Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Putrajaya bagi melaporkan status terkini keadaan cuaca dan tinjauan cuaca Monsun Barat Daya, kualiti udara semasa serta sebagai platform bagi merancang strategi pencegahan pembakaran terbuka dan jerebu yang menjejaskan aktiviti ekonomi, kualiti udara Negara serta kesihatan awam.

Berdasarkan maklumat kaji cuaca daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Negara sedang berhadapan dengan **Monsun Barat Daya** sejak 14 Mei 2026. Terdapat potensi berlakunya **fenomena El Niño** dengan intensiti kuat yang dijangka berterusan sehingga awal tahun 2027. Keadaan ini akan menyebabkan **taburan hujan berkurangan dan cuaca menjadi lebih panas serta kering** berbanding keadaan biasa, sekali gus memberi **implikasi terhadap sektor pertanian, penyusutan paras air empangan, peningkatan risiko pembakaran terbuka dan jerebu yang menjejaskan kesihatan awam.**

Melalui mesyuarat ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), MET Malaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah membentangkan strategi dan tindakan kesiapsiagaan yang perlu dilaksanakan dengan kerjasama semua Kementerian, Jabatan dan Agensi terlibat serta Kerajaan Negeri dalam menghadapi cuaca panas dan kering serta El Niño ini. Terdapat beberapa perkara utama yang telah dipersetujui antaranya:

- (i) Kementerian, Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri:
 - (a) perlu **melaksanakan persediaan** melalui mesyuarat koordinasi bagi memastikan tindakan awal yang berkesan dan efektif;
 - (b) perlu **mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan dan pemantauan** secara berterusan bagi mengekang pembakaran terbuka dan jerebu serta kejadian kebakaran berulang; dan

- (c) akan **memastikan kesiapsiagaan infrastruktur** tanah gambut, **jentera** dan **sumber manusia** bagi memastikan sebarang insiden kebakaran dapat dipadamkan dengan segera bagi mengelak jerebu tempatan.
- (ii) semua pihak perlu sentiasa peka dengan **maklumat cuaca** yang dikeluarkan oleh **MET Malaysia** melalui **laman web rasmi** dan **aplikasi myCuaca** serta **maklumat kualiti udara** melalui portal **APIMS JAS** dan **aplikasi MyJAS EQMP**; dan
- (iii) pihak JBPM telah bersedia dengan persiapan logistik dan sumber manusia untuk digerakkan bagi menghadapi impak Monsun Barat Daya ini. Manakala pihak NADMA, MET Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan bersiap siaga melaksanakan Operasi Pembenihan Awan di kawasan terjejas tertakluk kepada kesesuaian keadaan atmosfera.

Di peringkat ASEAN, YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam akan mengetuai Delegasi Malaysia bagi menghadiri **Mesyuarat Ke-27 Ministerial Steering Committee (MSC) dan Technical Working Group (TWG) mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan pada 8 dan 9 Julai 2026 di Bali, Indonesia**. Semua Negara MSC akan membentangkan strategi dan inisiatif pencegahan kebakaran hutan dan tanah. Malaysia juga akan membentangkan cadangan penambahbaikan pelaksanaan Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Merentas Sempadan semasa mesyuarat ini.

Susulan cuaca panas dan kering ketika ini, **semua pihak diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka** dan membiarkan tanah atau premis diceroboh sehingga menyebabkan pembakaran terbuka. Tindakan tegas akan diambil kepada pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan pembakaran terbuka termasuk pemilik tanah. Jika disabit kesalahan di bawah **Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**, pesalah boleh dikenakan **denda maksimum sehingga RM1 juta atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali** dan **kompaun maksimum sehingga RM500,000** bagi setiap kesalahan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
15 JUN 2026



MAKLUMAT TAMBAHAN:

- I. Jawatankuasa Induk Jerebu Kebangsaan telah ditubuhkan sejak tahun 1997 dan dipengerusikan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi urusan alam sekitar. Selaras dengan arahan Jemaah Menteri pada 25 Mac 2016, jawatankuasa ini telah dikenali sebagai Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan dan NRES merupakan sekretariat kepada jawatankuasa ini.
- II. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap tahun dan bertanggung jawab untuk melaporkan status cuaca panas dan kering serta situasi jerebu yang melanda negara. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi berkaitan serta Kerajaan Negeri yang berkait rapat dengan pengurusan insiden jerebu seperti berikut:
 1. Kementerian Luar Negeri;
 2. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya;
 3. Kementerian Perladangan dan Komoditi;
 4. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
 5. Kementerian Belia dan Sukan;
 6. Kementerian Komunikasi;
 7. Kementerian Kesihatan Malaysia;
 8. Kementerian Pendidikan;
 9. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
 10. Kementerian Pengangkutan Malaysia;
 11. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
 12. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air;
 13. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
 14. Jabatan Alam Sekitar (JAS) termasuk semua JAS Negeri;
 15. Jabatan Meteorologi Malaysia;
 16. Agensi Pengurusan Bencana Negara;
 17. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
 18. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia;
 19. Jabatan Pengairan dan Saliran;
 20. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;
 21. Jabatan Kerajaan Tempatan;
 22. Polis Diraja Malaysia;
 23. Pasukan Gerakan Udara PDRM;
 24. Agensi Angkasa Malaysia;
 25. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
 26. Jabatan Pertanian Malaysia;
 27. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA);
 28. Jabatan Pengangkutan Jalan;
 29. Lembaga Penerbangan Awam Malaysia;
 30. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
 31. Semua Wakil Kerajaan Negeri;
 32. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah;
 33. Jabatan Hutan Sarawak;
 34. Jabatan Perhutanan Sabah;
 35. Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak;
 36. Pejabat Residen Bahagian Miri; dan
 37. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

III. Kerajaan sentiasa bersedia bagi menghadapi keadaan cuaca panas dan kering dengan mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka yang berpotensi menyebabkan berlakunya jerebu tempatan. Antara tindakan yang diambil adalah:

1. pengaktifan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK) sejak 15 Februari 2026 kepada semua kementerian, jabatan dan agensi berkaitan serta kerajaan negeri;
2. pengaktifan Prosedur Tetap Operasi (PTO) Melaksanakan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut untuk Mengatasi Jerebu di Malaysia sejak 26 Februari 2026 kepada JAS Negeri dan agensi pelaksana;
3. pemantauan status kualiti udara dan titik panas secara berterusan;
4. rondaan darat dan pemantauan menggunakan dron di kawasan yang telah dikenal pasti mudah terbakar dipertingkatkan;
5. kempen-kempen kesedaran (*Communication, Education and Public Awareness* - CEPA) dan penyertaan komuniti khususnya melalui media massa dan sosial dipertingkatkan bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka; dan
6. pelaksanaan Program Ketersediaan Infrastruktur di Kawasan Tanah Gambut dan Kawasan Berpotensi Kebakaran Untuk Mengatasi Jerebu di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 secara berterusan. Sehingga kini, sebanyak 331 buah sekatan saluran, 107 buah telaga tiub, 15 buah kolam takungan, 6 buah menara tinjau, 3.3 km saluran paip air dan 111 pizometer telah dibina di bawah program ini.